

PENGARUH KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PENCIPTAAN TEMA DAN PERSOALAN NOVEL

THE INFLUENCE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) IN THE CREATION OF THEMES AND ISSUES IN NOVELS

Norsuhaila Sulaiman^{1*}
Rosmah Derak²

¹ Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia
Sabah Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

norsuhaila@ums.edu.my*

Received: 26 Nov 2025 | Revised: 14 May 2026
Accepted: 26 June 2026 / Published: 30 June 202

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v16i1.7900>

ABSTRAK

Aliran penulisan kreatif seperti puisi, cerpen, novel dan penulisan skrip turut menghadapi cabaran apabila dipengaruhi oleh perkembangan teknologi. Pada masa kini, penggunaan kecerdasan buatan atau *artificial intelligent* (AI) telah menjadi rakan baik dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan, kesihatan, kewangan, perniagaan dan karya seni. Dalam bidang penulisan novel, keterampilan idea dan kreativiti amat penting agar teknik cerita lancar, segar dan menarik. Cabaran dapat dilihat apabila, penggunaan AI pada masa kini telah banyak memudahkan penulis untuk mendapatkan idea dan bahan penulisan tanpa melalui proses kreatif yang memerlukan penulis menumpahkan daya cipta dan kreativiti untuk menghasilkan sesebuah karya yang asli. Situasi tersebut amat membimbangkan jika AI menjadi tempat pergantungan para mahasiswa untuk menghasilkan karya tanpa menggunakan kreativiti sendiri. Objektif kajian ini ialah meneliti kreativiti dan penggunaan AI melalui arahan yang berkait dengan rangka novel yang dihasilkan oleh para mahasiswa. Bagi mencapai objektif tersebut kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu analisis teks yang dihasilkan oleh 40 orang mahasiswa berdasarkan pengaplikasian AI dalam penghasilan tema dan persoalan novel bagi kursus CA32703 Penulisan Novel pada sesi 1 2024/2025 di Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah. Walau bagaimanapun, hanya 10 mahasiswa terlibat dalam teknik persampelan data. Data kajian menggunakan analisis tematik, iaitu cinta yang menjadi tema popular dalam penghasilan rangka novel oleh para mahasiswa. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan AI dalam merangka tema dan persoalan novel yang dihasilkan oleh para mahasiswa ini tidak berupaya mencitrakan identiti dan keunikan naratif yang dicipta. Namun begitu, pengaplikasian AI terhadap tema dan persoalan novel masih kurang memuaskan dan memerlukan kreativiti manusia dalam menghasilkan karya yang segar, bermuta dan menarik berdasarkan adunan kreativiti.

Kata kunci : Cinta, Tema, Persoalan, Novel, Kecerdasan Buatan (AI)

ABSTRACT

Creative writing genres such as poetry, short stories, novels, and scriptwriting are increasingly shaped by developments in technology. Artificial intelligence (AI) is now used as a supportive tool in various fields, including education, health, finance, business, and the arts. In novel writing, however, the formation of ideas and the exercise of creativity remain essential to producing narratives that are coherent, fresh, and engaging. The growing use of AI raises concerns when writers, particularly students, rely on AI to generate ideas and writing materials without fully engaging in the creative process required to produce original literary work. This study examines students' creativity and use of AI in formulating themes and narrative concerns for novel outlines. It adopts a qualitative approach through textual analysis of works produced by students enrolled in the CA32703 Novel Writing course during Semester 1 of the 2024/2025 academic session at the Academy of Arts and Creative Technology, Universiti Malaysia Sabah. Although the course involved 40 students, this study focuses on 10 selected student texts that represent the dominant theme identified in the data. The data were analysed thematically, with love emerging as the most prominent theme in the students' novel outlines. The findings indicate that AI-generated suggestions for themes and narrative concerns were not sufficient to produce a distinctive narrative identity or creative uniqueness in the students' works. While AI can assist in the early stages of idea generation, its use in developing novel themes and narrative concerns remains limited without human creativity, experience, observation, and critical judgement. The study concludes that AI may function as a supplementary tool in creative writing, but the production of fresh, meaningful, and engaging literary works still depends on the writer's creative agency.

Keywords: love, theme, narrative concerns, novel, artificial intelligence (AI)

PENGENALAN

Perkembangan teknologi yang semakin berkembang telah menjadi polemik apabila kecerdasan buatan (AI) telah mendominasi dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Rantaian wabak covid-19 yang telah melanda seantero dunia termasuklah Malaysia turut memberi impak kepada perubahan corak kehidupan masyarakat dunia. Begitu juga dalam dunia pendidikan apabila kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya turut memberikan cabaran baharu kepada barisan pendidik dan pelajar-pelajar (Saniah Ahmad, 2022). Sejak itu, teknologi menjadi keperluan untuk memenuhi permintaan pengguna termasuklah fungsi alat digital dan peranti. Kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai *artificial intelligent (AI)* merupakan salah satu peralatan teknologi yang sedang berkembang dalam era digital dan begitu serasi dalam kehidupan manusia. Pendedahan AI, iaitu kehadiran aplikasi *ChatGPT* membolehkan pengguna menerokai pelbagai maklumat dalam masa yang singkat. *ChatGPT* atau *Chat Generative Pretrained Transformer* merupakan aplikasi yang diperkenalkan oleh *OpenAI* (Lee Pin Ling, 2025; Daniel Arief Hafiz & Rosnida Ain, 2023; Nisah Haron, 2023). Berdasarkan sejarah kemunculan AI mula diperkenalkan pada tahun 1950-an oleh saintis dalam penerokaan terhadap keupayaan komputer untuk menyelesaikan masalah (Boh Phaik Ean, 2025). Aplikasi lain AI seperti *Midjourney*, *Kling AI*, *Suno*, *Evanto*, *Leonardo Ai*, *Adobe Firefly*, *Runway Gen2* dan *Pollo a*, *Grok*, dan *Gemini Pro* membolehkan pengguna melanggan dengan bayaran bagi mendapatkan penjaan maklumat yang lebih kemas dan lancar.

Cabaran keberadaan kecerdasan buatan (AI) yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan turut memberi implikasi terhadap dunia penulisan kreatif dan penulis untuk menghasilkan karya yang berkualiti, asli atau sebaliknya. Keberadaan kecerdasan buatan membantu pengguna mengakrabi dan berkomunikasi secara lisan atau tulisan terhadap segala persoalan yang dikemukakan secara langsung oleh pengguna. Lebih menyeronokkan, pengguna boleh mendapatkan maklumat, idea dan panduan secara lebih mudah hanya dengan

memberikan arahan kepada AI sahaja. Secara langsung, pengguna diberikan bahan yang diperlukan dengan bantuan AI termasuklah bidang penulisan kreatif yang berpotensi menjadi bentuk komersial.

SOROTAN KAJIAN

Polemik terhadap penggunaan kecerdasan buatan (AI) yang menggabungkan kepintaran komputer dan mesin telah dilatih untuk memahami konteks, bahasa dan budaya masyarakat (Hazami Jahari, 2025). Dengan adanya pembangunan teknologi yang dipacu oleh kecerdasan buatan (AI) telah mendatangkan cabaran dalam penulisan kreatif termasuklah sebagai alat sokongan dalam proses penulisan, penyelidikan, penyuntingan teks, mengenalpasti kesalahan tatabahasa dan mencadangkan idea (Daniel Arief Hafiz Shamsul Ariffin & Rosnida Ain, 2023). Oleh itu, tidak dinafikan bahawa dunia penulis juga berhadapan dengan cabaran persaingan dengan kandungan digital seperti *ChatGPT*. Lantaran itu, terdapat pelbagai aplikasi AI yang boleh diakses secara mudah dan percuma oleh pengguna seperti *popAI*, *Midjourney* dan *Quillbolt* (Norsuhaila et.al., 2025). Impak kecerdasan buatan (AI) tampil sebagai alat tranformasi yang berupaya menjadi sumber komersial dalam penulisan kreatif seiring mengaplikasikan proses baharu daripada bentuk transkrip ke bentuk interaktif digital. Kebimbangan terhadap penguasaan AI yang telah mendominasi bidang penulisan kreatif menyumbang kepada risiko kerana ia berupaya mengubah karya asli dan bentuk analisis (Shaufi, 2024).

Sejajar dengan perubahan zaman, jika ditelusuri sejarah perkembangan dunia penulisan kreatif mendapat sambutan positif daripada penulis-penulis setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 (A. Aziz Deraman, 2022). Medan penulisan kreatif seperti puisi, cerpen, novel dan skrip drama menjadi jambatan kepada barisan penulis membugarkan idea dan pandangan dalam bentuk kreatif yang diadun bersama sensitiviti dan ilmu bantu dari aspek penyelidikan, bahan bacaan dan pengalaman penulis. Dalam konteks sastera, sesebuah karya mewakili cerminan zaman dan masyarakat terhadap perkara yang telah berlaku dan bakal berlaku (Zaen Kasturi, 2023). Jelaslah deria pengarang boleh membaca selera pembaca sebagai landasan pemikiran untuk disampaikan dalam karya. Tambahan pula, platform penulisan kreatif telah sebatikan dengan diri pengarang yang bergulat dengan pengalaman, pengetahuan, kreativiti, imaginasi dan pandangan (Che Abdullah Che Ya, 2024) bahkan berupaya menjadi suara dalam karya tersebut. Sehubungan itu, penulis berperanan penting dalam setiap karya yang dihasilkan oleh mereka. Tema dan persoalan novel yang dihasilkan seharusnya menyelitkan unsur pengajaran kepada pembaca sesuai dengan fungsi sebuah karya tersebut dihasilkan.

Pengarang merupakan individu yang bertanggungjawab membentuk wajah kesusasteraan Melayu dan mencorakkan keperibadian masyarakat pembaca (Kamariah Kamarudin, 2009). Sebaliknya, bagi penulis yang masih baharu terlibat dalam dunia penulisan kreatif, prinsip yang perlu dimiliki ialah cara berfikir, membuat catatan dan rakaman (Ja'afar Johan, 2023). Dalam erti kata lain, seorang penulis seharusnya menitikberatkan pengetahuan dan pemikiran melalui penulisan kreatif. Dalam penulisan novel, penggarapan tema merupakan refleksi makna dalam penceritaan yang menuntut tafsiran daripada pembaca. Pemilihan tema novel bukan sahaja memenuhi keperluan pasaran atau keuntungan tetapi perlu menitikberatkan mesej (Kamariah Kamarudin, 2009). Sejajar dengan percambahan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah menyumbang bentuk baharu dalam penghasilan karya sastera yang berpotensi memberi keuntungan yang maksimum kepada pengarang (Hizami Jahari, 2025). Penggunaan aplikasi AI dalam bidang pendidikan juga mendapat tumpuan pengkaji iaitu Daniel Arief Hafiz Shamsul Ariffin & Rosnidar Ain (2023) yang meneliti pengaplikasian AI dalam penulisan puisi. Menurut mereka, penulisan puisi menggunakan AI mempunyai kelemahan yang ketara meskipun puisi tersebut boleh dikategorikan sebagai baik dan diterima. Dalam konteks ini, integrasi teknologi AI merupakan dimensi baharu dalam dunia penulisan kreatif. Sehubungan itu, adakah AI sebagai pautan yang sangat mudah kepada pengguna dalam melibatkan proses

penulisan karya kreatif terutama dalam kalangan bakal penulis pelapis. Objektif kajian ini meneliti kreativiti dan penggunaan AI melalui arahan yang berkait dengan rangka novel yang dihasilkan oleh para mahasiswa. Oleh itu, berdasarkan pembelajaran secara teori dan praktikal, mahasiswa-mahasiswa yang mengambil kursus penulisan novel perlu menghasilkan satu tema dan persoalan berdasarkan kreativiti serta pengaruh penggunaan AI dan pemahaman terhadap karya yang dihasilkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan 40 orang mahasiswa tahun tiga (3) kluster penulisan di Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu yang mengambil kursus Penulisan Novel dengan kod kursus CA32703 pada semester satu (1) sesi 2024/2025. Penilaian kursus ini merupakan salah satu daripada tugas akhir yang dinilai berdasarkan keaslian idea, kesinambungan dalam penulisan, format penulisan dan kreativiti. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar penulisan untuk menguasai kemahiran mengolah novel secara sistematik berlandaskan bahan pembacaan dan mengaplikasikan daya kreativiti, imaginasi, daya sensitiviti serta latihan berstruktur. Melalui bentuk pengajaran secara teori dan praktikal, kursus ini menggalakkan mahasiswa agar yakin dengan kebolehan diri dengan mengembangkan minat dan bakat untuk menghasilkan novel yang berunsur pengajaran dan mampu merangsang minda pembaca. Namun demikian, dengan adanya kepesatan teknologi AI yang kini telah menjadi sebahagian komponen teknologi sekaligus membawa satu revolusi dalam dunia sastera kepada ambang tranformasi (Shaufi, 2023) terutama dalam penghasilan karya kreatif.

Kaedah analisis teks digunakan bagi mendapatkan data dilakukan secara bersemuka di dalam bilik kuliah. Para mahasiswa diberikan masa selama 60 minit untuk menghasilkan tema novel berdasarkan kreativiti masing-masing dan menggunakan AI sesuai dengan tuntutan teknologi. Sumber janaan AI juga telah dinyatakan oleh mahasiswa dalam tugas tersebut. Justeru, indikator data daripada mahasiswa (M) terbatas kepada 10 orang sahaja dengan memfokuskan tema cinta berdasarkan data berikut,

Jadual 1 : Maklumat Mahasiswa

Mahasiswa (M)	Jantina
M1	L
M2	P
M3	P
M4	P
M5	P
M6	P
M7	P
M8	P
M9	P
M10	P

DAPATAN KAJIAN

Menerusi kursus Penulisan Novel (CA32703), seramai 40 responden yang terdiri daripada 10 orang mahasiswa dan 30 mahasiswi telah mengemukakan pelbagai jenis tema dan persoalan dalam merangka sebuah novel yang ingin dihasilkan. Dalam penulisan kreatif, tema ditakrifkan kepada isu yang menjadi fokus pengarang (Hashim Ismail, 2023) yang membawa perutusan sama ada melibatkan hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia

serta hubungan manusia dengan alam atau haiwan (Norsuhaila Sulaiman, 2016). Justeru, setiap penggarapan tema yang diketengahkan oleh 40 orang mahasiswa adalah berdasarkan kepada kreativiti dan janaan kecerdasan buatan (AI) yang digunakan. Hasil data yang diperolehi, tema-tema novel yang dihasilkan oleh para mahasiswa adalah seperti yang terpapar dalam jadual 2.

Jadual 2: Tema Novel

Tema	Jumlah
Cinta	10
Perjuangan	8
Kesihatan	5
Misteri	5
Teknologi	3
Sukan	3
Lain-lain	6
Jumlah	40

Berdasarkan jadual 2, penghasilan tema yang mendominasi ialah tema cinta, diikuti dengan tema perjuangan, kesihatan, misteri, teknologi, sukan dan lain-lain. Mengapa tema cinta lebih dominan daripada tema-tema yang lain? Mengapa mahasiswa lebih teruja kepada tema ini? Adakah mereka sedang berada di fasa keinginan untuk mencintai dan dicintai? Pada dasarnya, manusia sememangnya mempunyai fitrah semula jadi untuk berpasang-pasangan dan untuk mencintai dan dicintai (Rosmah Derak, 2020) sebagaimana Allah berfirman dalam surah ar-Rum ayat 21:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Perasaan mencintai dan dicintai ini mudah untuk menarik minat pembaca kerana perasaan ini sangat dekat di hati dan sanubari mereka. Apatah lagi zaman remaja yang mula tercari-cari identiti diri ingin berpasang-pasangan. Muhammad Utsman Najati (2001) berpandangan bahawa cinta mempunyai peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia dan perasaan ini juga menjadi dasar kepada pembentukan sesebuah keluarga. Justeru, tidak hairanlah tema-tema cinta ini sangat dekat dengan mahasiswa dan tema ini mudah untuk menarik minat pembaca. Pengisahan tema cinta boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk untuk mengajak pembaca merenung dan mentafsirnya. Dalam penulisan kreatif, pengarang mempunyai kuasa membentuk naratif berdasarkan tindakan atau situasi turut mempengaruhi aksi dan reaksi (Norsuhaila Sulaiman, et.al., 2023). Berdasarkan data, fokus perbincangan melibatkan tema utama yang mendominasi dalam penghasilan tema dan persoalan berkenaan cinta.

Tema cinta memperlihatkan 10 karya dengan menzahirkan cinta muda-mudi yang berlainan agama, cinta anak kepada orang tua serta cinta suami dan isteri. Dapatan kajian ini kisah percintaan anak muda dirangka oleh M1 menerusi tajuk ‘Cinta Seorang Kesatria’ dengan menampilkan dua persoalan, iaitu persoalan hubungan cinta yang terhalang disebabkan perbezaan darjat dan persoalan pengorbanan cinta demi hubungan dengan ahli keluarga. Sudut kreativiti, mencerminkan isu cinta yang klise dengan gambaran negatif terhadap status keluarga yang berada menjadi halangan dalam percintaan yang melibatkan anak-anak. Janaan AI hasil daripada tajuk ‘Cinta Seorang Kesatria’ mencadangkan tema perjuangan, pengorbanan dan cinta sejati dalam menghadapi cabaran hidup. Berdasarkan janaan AI, cadangan persoalan adalah seperti berikut,

“Persoalan pula berkenaan cinta dan pengorbanan bersama contoh watak utama, Raden Arif, seorang kesatria muda yang berani dan berbudi, berjuang bukan hanya untuk negaranya tetapi juga untuk cintanya, Puteri Amira. Konflik timbul apabila Raden Arif perlu memilih antara meneruskan perjuangannya sebagai seorang pahlawan demi negara atau hidup bersama Puteri Amira yang terancam keselamatannya akibat peperangan yang sedang berlaku. Persoalan ini berkisar pada sejauh mana seseorang sanggup berkorban untuk orang yang mereka cintai, sekaligus mempertahankan tanggungjawab kepada negara dan bangsa. Seterusnya, persoalan perjuangan dan tanggungjawab. Contoh, sebagai seorang kesatria, Raden Arif terperangkap dalam dilema antara menjalankan tugasnya sebagai pejuang dan mencintai seseorang yang terperangkap dalam politik istana yang penuh dengan *persekongkolan*. Tanggungjawabnya kepada rakyat dan pemerintah menuntut pengorbanan besar, sehingga ia harus mengorbankan kebahagiaannya sendiri.”

Rangka novel ‘Cinta Seorang Kesatria’ memperlihatkan jurang antara idea dan penggunaan AI yang meliputi tema dan persoalan cerita. Analisis AI lebih cenderung menghubungkan dengan budaya hidup Indonesia selari dengan tajuk cerita. Tambahan pula, tema dan persoalan daripada AI hanya bersifat klise dan tidak membangunkan pengisahan yang baharu dan menarik. Tema cinta ditemui menerusi rangka novel yang bertajuk ‘Langit Kita Langit yang Sama’ oleh M2 berkenaan ujian cinta terhadap pasangan muda disebabkan perbezaan agama dalam kalangan multi-etnik di Sabah. Lantaran itu, M2 telah mengemukakan tiga persoalan. Pertama, persoalan mengenai hubungan yang tidak direstui oleh ahli keluarga kerana ia melibatkan pelanggaran adat turun-temurun bagi mengelakkan musibah. Kedua, persoalan psikologi anak muda yang terpaksa mematuhi adat sehingga terpaksa mengorbankan perasaan disebabkan adat. Ketiga, persoalan perjuangan pasangan muda untuk merealisasikan hubungan ke peringkat yang lebih serius dan tidak mudah berputus asa bagi mendapatkan restu daripada ahli keluarga. Rangka naratif yang diketengahkan oleh M2 berpadanan dengan daya sensitiviti penulis yang berada dalam persekitaran masyarakat selaku pemerhati yang memahami budaya etnik setempat dan pengalaman peribadi.

Pengisahan tema percintaan anak muda yang mempunyai perbezaan etnik juga boleh mencetuskan isu sensitiviti apabila ia melibatkan konflik agama dan adat resam. Rangka naratif novel yang membawakan tema cinta bertujuan menampilkan ekosistem budaya dalam keluarga multi-etnik tanpa adanya sensitiviti kaum dan agama memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang menekankan perpaduan selaras dengan konsep Madani gagasan yang diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim (2023), iaitu Perdana Menteri Malaysia ke sepuluh. Berdasarkan analisis AI terdapat lima tema, iaitu kesatuan dalam kepelbagaian, perjuangan untuk persamaan dan penerimaan, cinta merentas perbezaan, keinginan untuk perpaduan dan keamanan serta harapan dan kesalingan dalam meniti harapan. Antara persoalan hasil janaan AI, menjurus bagaimana manusia dari budaya yang berbeza dapat hidup bersama secara harmoni? Persoalan tersebut menyentuh aspek toleransi dan penghormatan dalam kehidupan masyarakat yang berbilang kaum dan adakah cinta dapat menyatukan manusia yang berasal dari latar belakang yang berbeza. Kupasan persoalan sama ada cinta boleh mengatasi jurang budaya dan membawa kebahagiaan kepada pasangan memberi inspirasi kepada pelajar melahirkan karya yang jujur dan tidak mencetus kontroversi. Oleh itu, AI boleh menjadi sandaran kepada pelajar untuk mengembangkan idea dan menghubungkaitkan dengan pengalaman budaya dalam komuniti setempat bahawa perbezaan agama bukanlah isu utama sebaliknya menghadirkan rasa hormat antara ahli keluarga.

Demikian juga dengan rangka novel ‘Dalam Bayang Restu’ oleh M3 masih terikat dengan dunia percintaan golongan muda. Persoalan pula menyentuh berkenaan seorang anak lelaki yang mempertahankan hubungan cinta dengan kekasih hatinya kerana tidak mendapat restu daripada ayah perempuan. Selain itu, persoalan keyakinan yang dalam diri seorang ayah untuk melepaskan anak perempuannya berkahwin dengan lelaki yang dicintainya. Proses kreativiti masih lagi dalam ruang hierarki konvensional yang perlu mengubah persepsi

pemikiran watak cerita selari dengan zaman. Hasil bantuan AI, tema yang dikemukakan ialah percintaan dan perjuangan. Empat persoalan yang dikemukakan, iaitu sejauh mana seseorang rela berkorban untuk cinta, sama ada itu melibatkan pengorbanan masa, perasaan, atau impian hidup. Ini sering mencabar karakter untuk memilih antara cinta dan keinginan peribadi. Kedua, cinta dan konflik keluarga yang dihalang atau diuji seperti perbezaan status sosial, latar belakang atau tradisi keluarga yang tidak mengizinkan. Seterusnya, persoalan pengkhianatan dalam hubungan percintaan, seperti kecurangan atau rahsia yang disembunyikan, adalah persoalan yang biasa dijumpai dalam novel percintaan. Ini menguji tahap kepercayaan antara pasangan. Akhir sekali, persoalan tentang perbezaan kelas sosial atau latar belakang menjadi halangan utama dalam percintaan, mempersoalkan apakah cinta boleh mengatasi jurang sosial yang ada. Data AI, lebih tertumpu kepada gejolak emosi yang perlu dilalui oleh watak tanpa ada pilihan.

Pengisahan percintaan anak muda turut dikisahkan menerusi rangka novel bertajuk 'Dendam Berahi' oleh M4 mencerminkan dendam dengan cinta. Persoalan individu yang terluka mampu kembali mempercayai cinta, persoalan lelaki yang dapat melawan perasaan benci setelah menemui cinta hati dan persoalan kasih sayang menjadi dominan sekaligus menghapuskan niat untuk membalas dendam. Dalam konteks AI pula mentafsirkan 'Dendam berahi' merupakan tema dan persoalan cinta dan kasih sayang menjurus kepada hubungan manusia dengan manusia yang menghadirkan pertembungan dalam merentangi kehidupan dalam bentuk positif. Bantuan AI membataskan maklumat mendorong pelajar untuk simulasi pengalaman, penyelidikan dan kreativiti agar cerita yang dihasilkan mempunyai jiwa. Kebergantungan kepada AI membataskan idea kreatif sebagai seorang penulis. Jika diteliti, tahap kreativiti dalam merakamkan subjek seharusnya kreatif supaya menyerlah keperibadian watak yang sekaligus memberi kesan kepada pembaca.

Seterusnya, 'Rindu yang Tiada Penghujung' karya M5 juga mempersembahkan isu percintaan yang melibatkan pasangan muda tetapi dengan menengahkan persoalan kehidupan yang perlu ditempuhi selepas kehilangan insan yang dicintai. Suasana melankolik tidak memadai kerana ia membosankan kerana tempelan percintaan sebaliknya mencipta suasana yang kompleks dan tidak bersifat tipikal. Sebaliknya, hasil bantuan AI terdapat lima tema, iaitu tema penerimaan dan kehidupan selepas kehilangan dan persoalan bagaimanakah cara untuk seseorang menerima kenyataan bahawa orang yang disayangi sudah tiada dan bagaimana meneruskan kehidupan tanpa kehadiran orang tersebut. Seterusnya, tema keberanian untuk meneruskan kehidupan dengan persoalan apakah persediaan yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk menemukan kembali makna hidup selepas kehilangan insan yang sangat penting. Tema kekuatan cinta yang mengatasi kehilangan manakala persoalan bagaimana seseorang dapat membangkitkan semangat dan kekuatan untuk hidup apabila cinta yang dimiliki terhadap seseorang yang telah pergi terus membara dalam hati? Di samping itu, tema menerima kenyataan dan melangkah ke hadapan dengan persoalan bagaimana seseorang boleh belajar untuk tidak terperangkap dalam kenangan dan perasaan rindu, sebaliknya menerima kenyataan dan melangkah ke hadapan dengan kehidupan baru. Akhir sekali, tema menemui kekuatan diri dalam kepergian, yang membawakan persoalan bagaimanakah seseorang dapat menemukan kekuatan dalam dirinya sendiri selepas kehilangan seseorang yang amat dihargai. Rangkuman kreativiti oleh M4 agak terbatas namun dengan bantuan AI membolehkan mahasiswa menerokai kesesuaian isu agar tidak mengulangi pemikiran, tema atau ideologi.

Seusia dengan perkembangan remaja, kecenderungan tema percintaan remaja begitu ghairah sehingga mempengaruhi idea dalam rangka novel 'Cinta Berlalu Pergi' oleh M6. Unsur persoalan pertama, kepentingan komunikasi yang baik antara pasangan agar dapat mengelakkan berlaku perselisihan dan pergaduhan. Persoalan kedua, kepercayaan terhadap pasangan dan seterusnya kesetiaan menjadi kunci utama dalam perhubungan. Berdasarkan tajuk berkenaan, aplikasi AI pula mencadangkan sembilan tema dengan persoalan yang dijelaskan dalam jadual berikut,

Tema	Persoalan
Kehilangan cinta	Bagaimana seseorang menghadapi perasaan kehilangan ketika cinta yang mereka harapkan atau dambakan akhirnya berlalu? Dalam cerita ini, tokoh utama mungkin harus menghadapi kenyataan bahwa hubungan yang mereka percayai atau cita-citakan tidak lagi ada, entah kerana perpisahan, perubahan perasaan, atau kematian. Persoalan utama mungkin berkisar pada proses berduka, penerimaan, dan bagaimana melanjutkan hidup setelah kehilangan tersebut. Contoh: Seorang wanita atau pria yang harus menerima kenyataan bahwa orang yang mereka cintai memilih untuk meninggalkan mereka, baik karena alasan pribadi, perbezaan tak teratasi, atau kerana masalah luar yang tak bisa dijangka.
Perubahan dalam cinta	Cinta yang berubah seiring waktu. Di dalam hubungan jangka panjang, boleh jadi cinta itu sendiri berubah bentuknya — dari cinta yang penuh ghairah menjadi persahabatan atau bahkan rasa kebosanan. Di sisi lain, mungkin juga ada perubahan dalam keutamaan hidup yang menyebabkan hubungan tidak lagi boleh dipertahankan. Persoalan ini mengangkat dilema antara mempertahankan hubungan yang sudah berubah atau merelakan untuk "bercerai" dan melanjutkan hidup masing-masing. Contoh: Pasangan yang awalnya sangat saling mencintai, namun seiring berjalannya waktu, hubungan mereka menjadi hambar, dan salah satu pihak merasa bahawa cinta yang dulu ada kini hanya sebuah kenangan.
Cinta yang tidak berbalas	Tokoh utama mencintai seseorang yang tidak membalas perasaannya, atau sebaliknya, mereka akhirnya menyadari bahawa cinta mereka tidak diterima. Konflik ini dapat menggambarkan perjuangan batin antara menerima kenyataan dan berusaha meupakan, serta proses pengorbanan diri untuk melepaskan perasaan tersebut. Contoh: Seseorang yang jatuh cinta pada teman rapat atau rakan kerja, namun setelah sekian lama menyembunyikan perasaan, akhirnya menyadari bahawa orang tersebut sudah memiliki pasangan atau tidak memiliki perasaan yang sama.
Cinta dan pengorbanan	Terkadang, cinta mengharuskan kita untuk berkorban, baik itu pengorbanan waktu, perasaan, atau bahkan aspirasi pribadi. Dalam novel ini, tokoh utama mungkin harus menghadapi dilema besar tentang seberapa banyak mereka siap berkorban demi cinta mereka, atau apakah pengorbanan itu sebanding dengan apa yang mereka dapatkan dari hubungan tersebut. Contoh: Seseorang yang terus berjuang untuk mempertahankan hubungan meskipun mereka harus mengorbankan hal-hal penting dalam hidup mereka, seperti karier, impian, atau hubungan dengan keluarga dan teman.

Cinta yang tidak tertuju pada waktu yang tepat	Terkadang, cinta datang di waktu yang salah — boleh jadi kerana salah satu pihak sudah terikat dalam hubungan lain, atau kerana keadaan kehidupan yang tidak memungkinkan. Novel ini mungkin mengeksplorasi bagaimana kedua tokoh utama merasa bahwa mereka saling mencintai, namun tidak dapat bersama kerana situasi yang menghalangi mereka. Contoh: Dua orang yang bertemu dan jatuh cinta, namun satu dari mereka sudah menikah dengan orang lain atau sedang menjalani hubungan yang tidak dapat dihentikan begitu sahaja, meskipun perasaan cinta mereka kuat.
Cinta yang tidak terwujud atau terhambat oleh keadaan.	Cinta yang gagal terwujud kerana pelbagai keadaan atau rintangan, seperti perbezaan agama, budaya, atau jarak yang terlalu jauh. Dalam novel ini, mungkin ada tokoh yang sangat menginginkan cinta tersebut, tetapi terhalang oleh keadaan di luar kawalan mereka, yang membuat hubungan tersebut tidak dapat berlanjut. Contoh: Pasangan yang terpisah oleh perbezaan latar belakang atau bahkan oleh keputusan keluarga, dan mereka harus mengorbankan cinta mereka demi memenuhi ekspektasi sosial atau keluarga.
Penerimaan diri dan pencarian kebahagiaan peribadi	Setelah berakhirnya sebuah hubungan atau setelah cinta yang telah pergi, tokoh utama mungkin harus mencari kebahagiaan dan pemenuhan diri mereka sendiri. Cinta yang berlalu pergi dapat menggambarkan perjalanan tokoh utama menuju pemahaman diri dan kebahagiaan peribadi setelah pengalaman cinta yang menguras hati. Contoh: Tokoh utama mungkin berjuang untuk bangkit dari rasa sakit hati dan akhirnya menemukan kebahagiaan dalam bentuk yang lebih sehat, seperti mengejar impian, membangun kembali hubungan dengan diri sendiri, atau membuka hati untuk cinta yang baru.
Cinta sebagai kenangan	Cinta yang pernah ada namun akhirnya berlalu pergi meninggalkan kenangan yang sulit dilupakan. Dalam hal ini, tokoh utama mungkin mengalami dilema untuk terus mengenang masa lalu atau melepaskan kenangan itu dan melanjutkan hidup. Konflik ini bisa melibatkan nostalgia, penyesalan, atau pertanyaan tentang apa yang boleh dilakukan dengan kenangan cinta yang tidak lagi ada. Contoh: Seorang tokoh yang kehilangan pasangan kerana kematian atau perpisahan yang tak terduga dan berjuang untuk mengatasi kenangan yang terus menghantui hidup mereka.
Cinta yang tertunda	Kadang-kadang, cinta datang terlalu terlambat — atau, mungkin, kedua belah pihak tidak bersedia untuk menjalin hubungan pada waktu yang tepat. Persoalan ini boleh mengarah kepada penyesalan, apakah mereka harus terus menunggu atau memilih untuk melanjutkan hidup meskipun perasaan cinta masih ada.

	Contoh: Dua orang yang memiliki perasaan satu sama lain sejak lama, tetapi keduanya selalu merasa bahawa waktu belum tepat untuk memulakan hubungan. Seiring berjalannya waktu, mereka menyadari bahwa kesempatan itu telah berlalu dan mereka harus berpisah.
--	--

Berdasarkan rangka novel tersebut, isu klise yang ditampilkan telah menyebabkan pergerakan cerita kurang menarik baik dari sudut kreativiti mahasiswa yang mencipta karya tersebut dan janaan AI. Sembilan tema yang dicadangkan oleh AI ini tidak memberikan kelainan naratif dengan dibauri stereotaip sekaligus tidak menyumbang kepada aspek pemikiran pembaca. Tema cinta yang melibatkan suami isteri dikisahkan oleh M7 menerusi rangka novel ‘Asmara di Hujung Rindu’ yang mengisahkan punca keretakan hubungan suami isteri disebabkan kemunculan orang ketiga. Konflik cinta suami dan isteri menimbulkan enam persoalan, iaitu persoalan wanita sebagai seorang isteri, pengaruh orang ketiga, kepercayaan dan pengkhianatan dalam hubungan suami isteri, penyesalan atas kesilapan, tanggungjawab suami sebagai ketua keluarga dan usaha memperbaiki hubungan demi cinta yang dibina dalam hubungan rumah tangga. Garapan cerita menunjukkan ujian kehidupan rumah tangga yang menuntut penyelesaian secara matang antara pasangan. Situasi tersebut menunjukkan keupayaan pelajar menggali konteks cinta yang mempunyai toksik tetapi dapat diatasi secara bijak dan tidak meninggalkan representasi emosi negatif.

AI mengemukakan 20 persoalan Antaranya, persoalan ego dan taruhan dalam cinta, dugaan dan cabaran dalam perkahwinan, pengaruh kehidupan lampau terhadap pembentukan karakter diri, kasih sayang dan kekeluargaan dalam menempuhi cabaran hidup, tranformasi perwatakan melalui keperitan hidup, kehilangan dan proses pemulihan emosi, pengorbanan dan penyesalan dalam hubungan, pengaruh orang ketiga dalam perpecahan keluarga, kesetiaan dan kejujuran dalam perkahwinan, kepercayaan dan pengkhianatan dalam cinta, penerimaan dan memaafkan dalam hubungan, harga kesalahan masa lalu, kepentingan kesabaran dalam menghadapi ujian hidup, keikhlasan dalam cinta dan pengorbanan, pengaruh pengalaman sebagai ibu dalam pembentukan perwatakan, kesetiaan dan komitmen dalam mengatasi dugaan, karma dan akibat dari setiap tindakan, nilai kepercayaan dalam cinta, kuasa cinta dalam mengubah perwatakan dan penebusan diri melalui pengalaman pahit. Pemaparan persoalan AI bersifat stereotaip dengan menjurus cerita cinta yang kompleks. Keberkesanan cerita lebih menarik dengan persembahan idea daripada pelajar berbanding penggunaan AI. Pengisahan cinta dan kasih sayang bukan sekadar cerita yang disulami keindahan tetapi nilai mendidik pembaca agar tidak terburu-buru membuat keputusan yang boleh memudaratkan diri (Norsuhaila et.al., 2023) dan ahli keluarga.

Menerusi rangka novel yang bertajuk ‘Luka yang Bernyawa’ oleh M8 merungkai perjuangan seorang wanita muda yang bergelar isteri telah disahkan mengalami penyakit *menopause* dan masalah rahim. Persoalan yang dikemukakan ialah ujian rumah tangga mula bergolak kerana, dia tidak dapat memberikan zuriat sekaligus dipandang serong oleh keluarga suami. Diikuti persoalan kasih sayang ibu bapa kepada anak setelah mengetahui anak perempuan mereka mempunyai masalah kesihatan dan hubungan dalam rumah tangga. Seterusnya, persoalan keberanian dalam menegakkan keadilan apabila seorang isteri mengetahui bahawa suaminya menjalinkan hubungan dengan wanita lain. Tambahan pula, faktor latar belakang pendidikan mendorong wanita tersebut berani membuat keputusan untuk dirinya memandangkan suaminya seorang yang panas baran dan kurang prihatin terhadap dirinya yang sakit turut menjadi persoalan cerita. Pengungkapan tema dan persoalan menunjukkan perjuangan dan semangat seorang isteri dan wanita memilih untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Namun, representasi wanita yang kecewa, sedih dan bahagia yang dilakarkan sebagai forum. Isu yang dibincangkan boleh menyuntik kesedaran dalam kalangan wanita yang bergelar isteri.

Berdasarkan analisis AI, pengungkapan tema ialah mengenai perjuangan dalam rumah tangga, konflik dan cabaran yang dihadapi dalam kehidupan hubungan dalam keluarga, emosi, sosial dan kewangan. Padanan persoalan merangkumi, (1) bagaimana pasangan boleh mengekalkan keharmonian dalam situasi yang penuh tekanan? – Persoalan ini sering diteroka dalam menghadapi cabaran seperti kewangan, kesihatan, atau konflik peribadi, (2) apakah harga kebahagiaan dalam rumah tangga? – Melihat sejauh mana seseorang sanggup berkorban demi kebahagiaan keluarga, (3) bagaimana pasangan boleh menghadapi perbezaan tanpa memusnahkan hubungan? – Persoalan ini menyentuh isu tolak ansur dan kesediaan untuk memahami perspektif satu sama lain, (4) sejauh mana pengaruh luar boleh menggugat keharmonian rumah tangga? – Mengkaji kesan campur tangan keluarga besar, rakan, atau tekanan sosial terhadap hubungan, (5) apakah pentingnya kepercayaan dan sokongan emosi dalam perkahwinan? – Persoalan ini menggariskan pentingnya elemen sokongan emosi dalam menghadapi cabaran bersama dan (6) adakah cinta mencukupi untuk mengatasi semua rintangan? – Meneliti sejauh mana cinta dapat bertahan apabila dihadapkan dengan kenyataan hidup yang sukar. Berdasarkan enam persoalan daripada keupayaan AI menjadi jambatan dan ruang kepada pelajar membuat rujukan dan menggabungkan idea dalam penulisan sebagai ilmu bantu.

Pengisahan keretakan hubungan cinta pasangan suami isteri disebabkan orang ketiga dirangka dalam tajuk novel 'Syurgaku Terputus di Dunia' karya M9. Tema yang diungkapkan berkenaan pengkhianatan dalam perkahwinan. Watak suami tidak dapat menerima kekurangan seorang isteri yang disahkan mandul dan tidak dapat mengandungkan zuriat sehingga dia mengambil keputusan untuk berkahwin lagi demi legasi zuriat. Persoalan yang dirangka adalah ketidaksetiaan dalam pasangan muncul akibat daripada sifat pasangan yang mencari kesempurnaan daripada orang lain dan mula mengabaikan pasangan sendiri sehinggalah pasangan berasa kecewa dan tidak mampu meneruskan kehidupan dalam rumah tangga lagi. Selain itu, persoalan mertua yang suka mencampuri urusan dalam rumah tangga anak sendiri. Secara sinis, ia menyentuh ideologi dan konflik dalam sebuah keluarga. Namun, kreativiti cerita bersifat konvensional dan mahasiswa perlu memberikan kelainan dalam naratif yang dicipta. Bagi AI pula, tema utama adalah perselingkuhan yang terjadi dalam pernikahan akibat ketidakmampuan *istri* untuk mengandung anak. Ketidakmampuan ini menjadi sumber utama ketegangan dalam rumah tangga, menyebabkan perasaan tidak dihargai, kekecewaan, dan akhirnya pengkhianatan. Suami yang tertekan oleh ekspektasi keluarga besar dan keinginan untuk memiliki keturunan akhirnya mencari pelarian di luar pernikahan menjadi solusi sementara yang menyakitkan untuk memenuhi harapan sosial dan keluarga tentang *kelanjutan* keturunan. Pemaparan isu cinta yang melanda pasangan suami isteri dalam tiga rangka novel yang diutarakan oleh mahasiswi menemukan perihal realiti dunia. Dalam masa yang sama, janaan AI hanya memperlihatkan pengaliran maklumat bukan sesuatu yang baharu atau menarik. Sebaliknya, resapan pengetahuan dan naratif tidak memberikan warna dalam setiap penyelesaian.

Inti cerita berkenaan cinta dapat dilihat menerusi rangka novel yang bertajuk *Bahagia Kasihmu* oleh M10 menyimpang dengan mengisahkan hubungan kasih sayang dalam sebuah keluarga. Persoalan novel menyentuh mengenai pengorbanan dan keikhlasan dalam percintaan serta persoalan kasih sayang ibu bapa kepada anak-anak. Menerusi AI, tema novel menjurus berkenaan cinta sejati dengan dua persoalan, iaitu perbezaan status keluarga telah menjadi isu dalam hubungan cinta anak muda dan persoalan tekanan dalam sosial dan masyarakat disekeliling mempengaruhi kehidupan watak utama. Meskipun situasi cerita berpaksikan cinta, pokok penceritaan memerihalkan hubungan dalam keluarga dan masyarakat, khususnya anak muda perlu bijak mengawal emosi dan membuat keputusan yang sewajarnya.

KESIMPULAN

Penulisan novel kini berhadapan dengan cabaran teknologi AI yang dapat membantutkan kreativiti penulis. Dalam hal ini, penulis yang dimaksudkan terdiri dalam kalangan mahasiswa yang mengambil kursus CA32703 Penulisan Novel pada semester satu (1) sesi 2024/2025 di Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah. Penghasilan tema dan persoalan yang dihasilkan oleh mahasiswa dengan menggunakan AI sebagai bahan bantu mendapati, tema percintaan lebih dominan dalam penghasilan tema dan persoalan. Tema ini seiring dengan usaha mahasiswa untuk menarik minat pembaca untuk membaca karya tersebut. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kreativiti masih lagi terbatas dan menuntut pembacaan, suntikan ilmu bantu dan gaya penulisan agar karya yang dihasilkan tidak bersifat konvensi. Sudut penggunaan AI tidak dapat membantu tetapi ia memerlukan arahan yang sesuai seperti situasi atau peristiwa supaya tidak mengulang idea klise. Secara keseluruhannya, para mahasiswa berpendapat bahawa kreativiti lebih membantu mereka dalam mengolah idea melalui rakaman peristiwa di persekitaran dengan mengeksplorasi emosi. Para mahasiswa juga berpendapat bahawa penggunaan AI tidak membantu kerana keterikatan idea asal penulis. Hal ini menjadi panduan kepada mahasiswa untuk membaiki proses penulisan dengan berpaksikan pengalaman, pemerhatian, ilmu bantu serta keberanian kreativiti. Keberadaan AI dalam dunia sastera dapat diterima selari dengan perkembangan teknologi namun AI tidak dapat memberikan 'jiwa' dalam karya, penulis seharusnya bijak menghidupkan jiwa karya supaya memberikan kelainan dan keunggulan.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2022). *Pasak Citra II, Sastera dalam Pembinaan Peradaban*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boh Phaik Ean. (2025). Fenomena Terjemahan Chengyu Melalui ChatGPT. *Prosiding Seminar Antarabangsa Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu ke-5*. Beijing. 22-23 Mei.
- Che Abdullah Che Ya. (2024). Dewan Sastera. "Menakir Unsur Politik dalam Cerpen". 62-66. Bil.8.
- Daniel Arief Hafiz Shamsul Ariffin & Rosnida Ain. (2023). Potensi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Proses Kreatif Puisi Melayu. *Melayu. Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 4(2), 190-197. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/13460>
- Hizami Jahari. (2025). Pemanfaatan Kecerdasan Buatan dalam Penyebaran Bahasa dan Sastera Melayu Sejagat. *Prosiding Seminar Antarabangsa Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu ke-5*. Beijing. 22-23 Mei.
- Hashim Ismail. (2023). *Konsep dan Genre Kesusasteraan Melayu*. (Hlm.128). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ja'afar Johan. (2023). Idealisme Kehidupan dalam Penulisan. *Dewan Sastera*. Bil. 06: 21-26.
- Kamarudin, K. (2009). Antara Komersialisme dengan Intelektualisme dalam novel Getaran Rindu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 20(1), 99-118. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9672>.
- Kamus Dewan Perdana*. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Pin Ling. (2025). Analisis Ketepatan Terjemahan Kata Kerja Berimbuhan Men-....-i dan Men-....-kan ke dalam Bahasa Cina Menggunakan ChatGPT. *Prosiding Seminar Antarabangsa Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu ke-5*. Beijing. 22-23 Mei.
- Muhammad Utsman Najati. (2001). *Jiwa manusia dalam sorotan Al-Quran*. Jakarta: Cendekia Sentra Muslim.

- Norsuhaila Sulaiman, Asmiaty Amat & Sim Chee Cheang. (2025). Kreativiti dan Kecerdasan Buatan dalam Penciptaan Tema dan Novel. *Prosiding Seminar Antarabangsa Terjemahan, Bahasa dan Budaya Melayu ke-5*. Beijing. 22-23 Mei.
- Norsuhaila Sulaiman & Asmiaty Amat. (2023). Wanita dalam Cerpen WADAH 1986-1990: Suatu Perspektif Feminis. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 13(2).
<https://dio.org/10.51200/ga.v13i2.4744>.
- Norsuhaila Sulaiman. (2016). Cerpen-cerpen WADAH (1986-2013) : Satu Analisis Struktural. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Malaysia.
- Rosmah Derak. (2020). *Fitrah dalam Novel*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sheikh Abdullah Basmeih (penterjemah). (1995). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Saniah Ahmad. (2022). Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Kemahiran Secara Maya Semasa Pandemik COVID-19. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(2).
<https://doi.org/10.51200/ga.v12i2.4290>.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Mawar Safei & Kamariah Kamarudin. (2020). *Penulis Profesional Melayu Kepengarangan dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaen Kasturi. (2023). Menyemarakkan “Hubungan Mesra” Sastera-Budaya. *Dewan Sastera*. Bil.4:6-8.